



KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :

Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR

25 APRIL 2023 (SELASA)



KERATAN AKHBAR (KPDN)

25 APRIL 2023 (SELASA)

Parti politik tak wajar pertikai konsep Rahmah

Pontian: Parti politik tidak perlu mempersoal pencetus konsep Rahmah selagi inisiatif itu dapat memanfaatkan rakyat.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata inisiatif Rahmah yang diperke-

nal Kerajaan Perpaduan di bawah pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk memberikan faedah kepada rakyat, terutama dalam menangani kos sara hidup.

"Saya tidak ada masalah sekiranya mereka (parti politik) hendak 'claim' inisiatif Rahmah.

Yang penting bagi saya rakyat yang mendapat faedah.

"Seperti Tun Dr Mahathir Mohamad pada era beliau sudah ada Wawasan 2020. Jadi, saya rasa itu tidak menjadi pertikaian."

"Bagi saya, biarlah era Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan kon-

sep MADANI dan memperkenal inisiatif Rahmah yang dapat menyantuni serta mendasari setiap keperluan rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Rumah Terbuka di kediamannya di Tanjung Piai di sini, semalam.

Salahuddin diminta mengulas mengenai dakwaan Timbalan Ketua Penerangan Gerakan Tanah Air (GTA), Mahdzir Ibrahim yang menyatakan konsep Rahmah hasil cetusan idea bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.



Salahuddin beramah mesra dengan tetamu pada Majlis Rumah Terbuka di kediamannya di Tanjung Piai, Pontian, semalam.
(Foto BERNAMA)

TAKING CREDIT

Minister: It doesn't matter who came up with Rahmah plan, as long as it benefits people

PONTIAN: It does not matter who came up with the Rahmah initiative concept, only that it is beneficial to the people.

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub said the unity government under Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim introduced the initiative to help people in facing cost-of-living issues.

"I don't have a problem if they (other political parties) want to take credit for it. What is important is that the people get the benefits."

"It is like during Tun Dr Mahathir Mohamad's era. He had his baby, Vision 2020. I think no one disputes that."

"So let the Datuk Seri Anwar Ibrahim era be known by the (Malaysia) Madani concept and the Rahmah initiative, which is based on the people's needs."

He said this at an open house at his residence in Tanjung Piai here when asked to comment on claims by Gerakan Tanah Air information chief Mahdzir Ibrahim that it was Dr Mahathir who came up with the concept when he was the seventh prime minister.

Mahdzir, a former Johor DAP leader, claimed Dr Mahathir mentioned the concept in a speech in Kota Kinabalu on Feb 16, 2020 when he was prime minister of the then Pakatan Harapan government.



Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub speaking to guests at his Hari Raya Aidilfitri open house in Pontian, Johor, yesterday. BERNAMA PIC

In a Facebook post, Mahdzir, said: "The Rahmah concept has been described as an idea from Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim under the Madani concept."

"For me, this is a glaring mistake."

"I would like to shed light and correct this narrative because we

know where it really comes from."

"It was first presented by Tun Dr Mahathir when he delivered a speech in Kota Kinabalu."

He claimed that in his speech at the officiating of the national-level Tilawah and Hafazan Al-Quran programme, Dr Mahathir said the government would use the "rahmah" concept as a model

for Islamic governance.

"It is universal, inclusive, transparent and suitable for Malaysia's multicultural society."

"We believe this will produce a positive impact on Malaysia and the people because it will improve social welfare, prosperity and harmony of multi-ethnic and multi-religious communities," Mahdzir

quoted Dr Mahathir as saying at the time.

Mahdzir claimed the Rahmah initiative was related to the Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 programme, which was discontinued after the PH government fell in February 2020.

"To sum it up, the Rahmah initiative is not an idea by the Madani government, let alone Anwar's."

On another matter, Salahuddin urged people not to politicise Anwar's Hari Raya Aidilfitri open houses in six states.

He said Anwar had his way of connecting with the people and one example was holding open houses in several states.

Anwar is not holding an open house at his official residence, which was the norm for prime ministers before him.

"This time, he has decided to do it outside Kuala Lumpur (and Putrajaya).

"That is his style. Each prime minister has his own ways. So there is no need to feel jealous."

"If they (detractors) become prime minister, they can follow their own style. So don't politicise it."

He said this when asked to comment on Kedah Menteri Besar Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor's comments that the prime minister's open houses in six states was a campaign programme for the state elections.

'No need to argue who mooted Rahmah concept'

PONTIAN: Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub said there is no need to argue over who mooted the Rahmah concept as long as it is beneficial to the people.

He added that the Rahmah initiative was introduced by the government under the leadership of Datuk Seri Anwar Ibrahim to help the people, especially those struggling with the cost of living.

"I have no problem if they (political parties) want to claim mooted the Rahmah initiative, the important thing is that the people benefit."

"During Tun Dr Mahathir Mohamad's era, there was Wawasan 2020."

He said now the Rahmah initiative, which is aligned with the Madani concept, is during Anwar's era, and it caters to the needs of the people," he told reporters during an open house event at his residence in Tanjung Piai here yesterday.

He was commenting on claims by Gerakan Tanah Air deputy information chief Mahdzir Ibrahim that the Rahmah concept was the idea of Mahathir.

Mahdzir was earlier quoted as saying that the Rahmah concept was not the idea of

Anwar, who is also the Tambun MP, but was conceived by Mahathir when he was the seventh prime minister.

Meanwhile, when asked about claims by Kedah Menteri Besar Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor that the Madani open house in six states was a state election campaign, Salahuddin said the matter should not be politicised.

The Pulai MP, who is also Parti Amanah Negara deputy president, said having open houses in each of the states is the prime minister's way of meeting the people.
- Bernama

'Tauke' Bangladesh mewah musim perayaan

Guna nama orang lain dapatkan lesen, kau untung berlipat ganda hasil jualan barang tiruan

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL
 SHAH ALAM



Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KPDN) menedahkan tiga lokasi di ibu negara yang menjadi 'syurga' penjualan barang tiruan.

Siasatan dan risikan KPDN mendapati barang tiruan terutama pakaian dibawa masuk dari Bangladesh.

Malah, kegiatan itu juga dihadangi oleh warga Bangladesh yang mengangut untung berlipat ganda terutamanya pada musim perayaan apabila pakaian yang dibawa masuk hanya sekitar RM10 sehelai bergantung kepada kualiti dan boleh dijual hingga mencapai ratusan ringgit.

Pengarah KPDN Kuala Lumpur, Ariffin Samsudin berkata, risikan pihaknya mendapati warga Bangladesh terlibat menggunakan dua kaedah untuk mendapatkan lesen bagi menjual di premis.

Menurut beliau, mereka akan berkahwin dengan wanita

tempatan dan menggunakan nama isterinya itu untuk mendaftar di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi mendapatkan lesen daripada pihak berkuasa tempatan.

"Kaedah kedua pula, mereka akan mencari warga tempatan yang sanggup untuk menggunakan nama bagi tujuan mendapatkan lesen dan membayar sejumlah aman secara bulanan (gaji)," katanya secara eksklusif kepada *Sinar Harian*.

Ariffin memberitahu, terdapat tiga lokasi yang dikategorikan sebagai hotspot iaitu di Jalan Petaling, Jalan Kenanga dan Chow Kit.

"Ini berdasarkan laporan statistik Pejabat Wakil Perdagangan Amerika Syarikat (USTR) dalam satu Kajian Semula Pasaran Terkenal 2022 ke atas lokasi pelancongan terkemuka di Jalan Petaling, sekali gus memberikan imej negatif kepada negara."

"Laporan turut menyebut

Jalan Petaling ialah lokasi jualan barang tiruan termasuk jam tangan, kasut, beg tangan, dompet, cermin mata hitam dan banyak lagi," jelasnya.

Tambah beliau, kawasan di Jalan Kenanga pula menjadikan tumpuan orang ramai dan para peniaga mendapatkan bekalan, kedua di Chow Kit dan ketiga di Jalan Petaling untuk jualan kepada para pelancong.

"Kegiatan ini adalah berskala besar terutama pada musim perayaan. Barang tiruan ini akan dibawa masuk menggunakan kontena," katanya.

Menurut beliau, bagi mengelirukan pemeriksaan semasa di pelabuhan, barang tiruan terutama pakaian yang dibawa masuk tidak menggunakan sebarang cop atau jenama popular.

Namun jelasnya, setelah selesai urusan di pelabuhan, kontena terbabit akan dibawa ke stor simpanan sebelum dipatenkan dan dicop dengan jenama

Anggota pengau kuasa KPDN memeriksa beg tangan yang dijual di sebuah premis.



Ariffin (kanan) menunjukkan barang jenama mewah tiruan yang dirampas pihaknya.

terkenal.

"Kita pernah menyerbu premises percetakan ini dan ada juga stor yang turut menempatkan mesin cetak. Ini yang kita kesan hasil tindakan KPDN Kuala Lumpur sebelum ini," katanya.

Beliau berkata, antara barang tiruan yang mendapat permintaan tinggi pada musim perayaan ialah seluar jeans, baju dan kemeja T, kasut, beg dan jam tangan.

Ariffin memberitahu, KPDN percaya barang tiruan yang dibawa masuk itu akan dipasarkan ke seluruh negara dan ibu negara menjadi pusat utama simpanan.

"Pemborong-pemborong ini juga dalam kalangan warga Bangladesh. Mungkin atas faktor percaya, mereka bergerak tanpa membabitkan warga tempatan," katanya.

Mengulas mengenai penjualan secara da-

lam talian, beliau tidak menafikan perkara itu.

"Terdapat pihak yang mengambil kesempatan kepada penjualan secara dalam talian kerana kononnya ia lebih selamat.

"Peniaga dalam talian memperolehi keuntungan yang lebih kerana mereka tidak memerlukan premis untuk berniaga dan boleh menjalankan perniagaan dari rumah yang tidak memerlukan kos tambahan sewaan," katanya.



MASALAH KEKANG BARANGAN TIRUAN

Baju 'masuk' tanpa jenama

Kuala Lumpur

Kemasukan barang tiruan dari luar negara tanpa dipasangkan sebarang jenama menyukarkan pihak berkuasa untuk membanteras sepenuhnya kegiatan penjualan barang itu.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) Kuala Lumpur, Ariffin Samsudin berkata, rampasan sukar dibuat di peringkat kemasukan kerana kerajaan tidak menghalang import pakaian/tekstil dari luar, selagi tidak menyalahi mana-mana peraturan seperti penggunaan cap dagang secara salah.

"Misalnya, pakaian tiruan yang dibawa masuk dari Bangladesh, kebanyakannya masuk tanpa sebarang jenama dan selepas lepas dari pemeriksaan pihak berkuasa, baik di pelabuhan atau di lapangan terbang, sindiket akan memasangkan jenama tiruan dan membuat cetakan di dalam negara.

"Ketika dibawa masuk, ia tidak menjadi kesalahan sebab tiada jenama atau jenama syarikat pada item. Kerana yang dipaten dan didaftarkan di Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) adalah jenama paten itu sahaja (selepas ia dipasangkan jenama)," katanya.

Selain itu, beliau berkata, pihaknya turut berdepan kesulitan dalam membasi kegiatan itu apabila dalam sesetengah keadaan, mereka tidak mendapat kerjasama daripada wakil cap dagang ketika melakukan serbuan.

Ariffin berkata, keberadaan wakil cap dagang



Kami menerima banyak laporan dan aduan daripada orang awam mengatakan berlaku penjualan barang tiruan di sesuatu lokasi"

Ariffin Samsudin

dalam setiap operasi atau serbuan di stor mahupun premis yang memiliki barang tiruan adalah penting, kerana pengesahan status sama ada barang terbabit adalah tiruan atau tidak hanya boleh dilakukan oleh mereka.

"Kami menerima banyak laporan dan aduan daripada orang awam mengatakan berlaku penjualan barang tiruan di sesuatu lokasi. Mengikut prosedur, kami perlu berhubung dengan wakil cap dagang untuk mereka turut serta dalam operasi.

"Misalnya, dalam serbuan di Jalan Petaling yang membabitkan lebih 30 wakil cap dagang. Namun, ada daripada mereka yang tidak hadir jadi kami tidak boleh mengambil barang itu walaupun diketahui barang berkenaan adalah barang tiruan," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, cabaran terbesar dihadapi pihaknya adalah dalam mendidik masyarakat supaya menghormati cap dagang, sekali gus menghapus mentaliti membeli barang tiruan semata-mata bagi memenuhi kehendak diri untuk bergaya.

Beliau berkata, apabila

pengguna membeli sebuah barang tiruan, mereka mungkin sudah merasakan sudah 'memiliki' suatu produk berjenama, namun hakikatnya sedang menghancurkan institusi yang telah mencipta suatu jenama dan akhirnya memberi kesan secara langsung kepada ekonomi negara.

Terutama sekali pada musim perayaan sebegini, memang berlaku peningkatan yang tinggi daripada tempahan barang tiruan di seluruh negara. Diketahui juga pada musim sebegini memang akan ada stok semula besar-besaran untuk edaran, termasuk untuk penjualan dalam talian," katanya.

Ariffin berkata, menuikut statistik, tiga lokasi panas penyimpanan dan penjualan barang tiruan di ibu negara yang dikenal pasti pihaknya adalah di Jalan Petaling, Jalan Chow Kit dan Jalan Kenanga.

Katanya, hasil risikan mendapati kebanyakan daripada sindiket itu juga tidak berminat untuk berpindah ke lokasi lain memandangkan lokasi tersebut telah menjadi hab yang sudah dikenali ramai untuk mendapatkan barang tiruan, baik dalam kalangan rakyat tempatan maupun pelancong asing.

"Jadi, itulah yang menjadi sasaran utama kami dan semestinya KPDN akan gunakan segala usaha yang ada untuk membanteras kegiatan ini. Bagaimanapun, pengguna perlu sedar jangan sesekali menggunakan barang tiruan walaupun murah. Berbelanjalah mengikut kemampuan kita," katanya.



MEDIA ONLINE (KPDN)

25 APRIL 2023 (SELASA)

BERITA ONLINE BERTARIKH 25 APRIL 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
25-Apr	Entry of brandless goods hampers fight against counterfeits, says KL KPDN chief	https://www.theborneopost.com/2023/04/24/entry-of-brandless-goods-hampers-fight-against-counterfeits-says-kl-kpdn-chief/	THEBORNEOPOST
25-Apr	Entry of brandless goods hampers fight against counterfeits	https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/crime-courts/2023/04/902502/entry-brandless-goods-hampers-fight-against-counterfeits	NST
25-Apr	Punca penjualan barang tiruan sukar dibanteras	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/04/959975/punca-penjualan-barang-tiruan-sukar-dibanteras	HM
25-Apr	Sindiket pasang jenama tiruan selepas import, kata KPDN	https://www.google.com/amp/s/www.freemalaysiatoday.com/amp/category/bahasa/tempatan/2023/04/24/sindiket-pasang-jenama-tiruan-selepas-import-kata-kpdn/	FMT
25-Apr	'Jalan Petaling, Jalan Chow Kit dan Jalan Kenanga lokasi utama jual barang tiruan'	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/04/1093233/jalan-petaling-jalan-chow-kit-dan-jalan-kenanga-lokasi-utama-jual	BH
25-Apr	Sindiket pasang jenama tiruan selepas import, kata KPDN	https://wartarakyat.com.my/index.php/2023/04/24/sindiket-pasang-jenama-tiruan-selepas-import-kata-kpdn/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=sindiket-pasang-jenama-tiruan-selepas-import-kata-kpdn	WARTARAKYAT
25-Apr	'Jalan Petaling, Jalan Chow Kit dan Jalan Kenanga lokasi utama jual barang tiruan'	https://my-tv.online/2023/04/24/jalan-petaling-jalan-chow-kit-dan-jalan-kenanga-lokasi-utama-jual-barang-tiruan/	MYTVONLINE

25-Apr	Kemasukan barangan tiruan tanpa jenama sukarkan pihak berkuasa	https://malaysiagazette.com/2023/04/24/kemasukan-barangan-tiruan-tanpa-jenama-sukarkan-pihak-berkuasa/	MALAYSIAGAZETTE
25-Apr	Duit raya untuk kawan, 'jerung' dapat habuan	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/255600	SH
25-Apr	Duit raya untuk kawan, 'jerung' dapat habuan	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/duit-raya-untuk-kawan-jerung-dapat-habuan-416652%3famp=1	ASTROAWANI
25-Apr	Tak perlu pertikai siapa cetus idea Rahmah - Salahuddin	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/04/960085/tak-perlu-pertikai-siapa-cetus-idea-rahmah-salahuddin	HM
25-Apr	No need to argue over who started Rahmah initiative, says Salahuddin	https://www.themalaysianinsight.com/s/439431	THEMALAYSIANINSIGHT
25-Apr	'No need to argue who moots Rahmah concept, so long as people benefit'	https://m.malaysiakini.com/news/663123	MALAYSIAKINI
25-Apr	Tidak perlu pertikai siapa cetus konsep Rahmah - Salahuddin	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/tidak-perlu-pertikai-siapa-cetus-konsep-rahmah-salahuddin-416728%3famp=1	ASTROAWANI
25-Apr	Salahuddin: No need to argue who mooted Rahmah concept, so long as Malaysians benefit	https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/04/24/salahuddin-no-need-to-argue-who-mooted-rahmah-concept-so-long-as-malaysians-benefit/66203	MALAYMAIL
25-Apr	It doesn't matter who mooted 'Rahmah' concept, says minister	https://www.google.com/amp/s/www.freemalaysiatoday.com/amp/category/nation/2023/04/24/it-doesnt-matter-who-mooted-rahmah-concept-says-minister/	FMT
25-Apr	Konsep Rahmah tidak harus jadi pertikaian - Salahuddin	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/255653	SH